

HALA TUJU POLITIK MELAYU-ISLAM TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

THE DIRECTION OF POLITICS MALAY-ISLAM TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Mohamad Syafiq Mohamad Jefri^{1*} dan Mohd Syakir Mohd Rosdi²

¹ Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
Emel:officialsyafiqjefri@gmail.com

² Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang
Emel:mohdsyakirmohdrosdi@gmail.com

Article history

Received date : 1-8-2021

Revised date : 2-8-2021

Accepted date : 18-9-2021

Published date : 20-9-2021

To cite this document:

Mohamad Jefri, M. S., & Mohd Rosdi, M. S. (2021).

Hala Tuju Politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir

Mohamad. *Journal of Islamic, Social, Economics and*

Development (JISED), 6(39), 103-116.

Abstrak: Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah seorang tokoh politik yang berpengaruh di dunia. Beliau pernah menjawat jawatan Perdana Menteri Malaysia sebanyak dua kali dan beliau satu-satunya Perdana Menteri dalam tempoh paling lama iaitu selama 22 tahun. Beliau juga antara salah seorang tokoh Asia yang disenaraikan dalam *The World's 500 Most Influential Muslims*. Percaturan dan pemikiran politik Tun Mahathir tidak dapat diduga dan dibaca oleh musuh politiknya. Maha firaun, kukubesi dan diktator ini adalah gelaran yang pernah diberikan keatas beliau rentetan beliau pernah mencetuskan kontroversi meminda Perlembagaan Persekutuan 1993 yang menyebabkan Raja-Raja Melayu hilang sebahagian kuasa. Tidak hanya itu, Tun Mahathir disifatkan sebagai dalang isu kematian tokoh ulama gerakan Islam (PAS) Ustaz Ibrahim Libya serta penangkapan ke atas orang kampung Memali. Beliau pernah bertindak menentang keputusan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang dianggap mengetepikan hak orang Melayu dan terlalu bergantung harap pada kaum Cina sehingga menyebabkan beliau kalah kerusi parlimen Kota Star. Dilema Ultra Melayu beliau memerangkap dirinya setelah beliau kelihatan 'mesra' bersama pimpinan utama Democratic Action Party (DAP) dalam menghadapi pilihan raya umum ke-14. Kajian ini akan memperincikan berkaitan hala tuju politik Tun Dr. Mahathir Mohamad, menganalisis hala tuju Tun Mahathir berasaskan Melayu-Islam serta merumuskan pendekatan Melayu-Islam dalam hala tuju politik beliau. Secara amnya, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, manakala data kajian diperolehi dari kaedah kajian dokumen. Data-data ini kemudiannya dianalisa dengan menggunakan kaedah analisis dokumen. Dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad adalah berkisar perjuangan yang berteraskan Agama (Alif), Bangsa (Ba) dan Tanah Air (Ta) yang menjadi paksi kepada hala tuju politik beliau. 'Hala tuju politik Melayu-Islam' Tun Mahathir harus lebih menonjol di Malaysia agar rakyat dapat menilai usaha murni tersebut berbanding kelantangan dalam isu-isu antarabangsa.

Kata Kunci: Hala Tuju Politik, Melayu-Islam, Tun Dr. Mahathir Mohamad

Abstract: *Tun Dr. Mahathir Mohamad is an influential political figure in the world. He has served as the Prime Minister of Malaysia twice and he is the only Prime Minister in the longest period of 22 years. He is also among one of the Asian figures listed in The World's 500 Most Influential Muslims. Tun Mahathir's political tricks and thoughts are unpredictable and unread by political enemies. "Maha firaun", "kukubesi" and "diktator" are the titles conferred on him once he had a string of controversial in the Federal Constitution in 1993 amendments which led to the Malay Rulers lost some power. Beside that, Tun Mahathir is described as the mastermind of the issue of the death of Islamic movement (PAS) Islamic figure Ustaz Ibrahim Libya and the arrestment of the villagers of Memali. He acted to against decisions made by Tunku Abdul Rahman, who let aside the rights of the Malays and are relying on the Chinese, caused him to lose parliamentary seats of Kota Star. The Dilemma of Malay Ultra trapped himself after he appeared 'friendly' with the main leader of the Democratic Action Party (DAP) in the general election to the 14th. This study will discuss regarding the political direction of Tun Dr. Mahathir Mohamad, the analysis of the direction of the Malay-Islam based on approach and formulate Malay-Muslims in his political direction. In general, this study uses a qualitative approach, while study data are obtained from document review methods. These data were then analyzed using document analysis methods. The findings showed that the political direction of the Malay-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad revolves around the struggle based on Religion, Race and Homeland which is the axis of his political direction. 'The direction of the Malay-Islam political' Tun Mahathir should be more prominent in Malaysia so that the people can evaluate these pristine compared to the volume of business in international issues.*

Keywords: *Political Direction, Malay-Muslims, Tun Dr. Mahathir Mohamad*

Pengenalan

Kajian ini dilaksanakan bertujuan mengenal pasti dan meneliti hala tuju politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad (Selepas ini ditulis Tun Mahathir). Perjalanan politik Tun amat menarik untuk dikaji kerana pelbagai situasi dalam pentas politik yang beliau pernah lalui sehingga kini beliau menyatakan untuk membuka wadah perjuangan politik baharu orang Melayu melalui penubuhan Parti Pejuang Tanah Air. Perjuangan beliau menerusi pelbagai pakatan politik sama ada di pihak pembangkang mahupun kerajaan, membuatkan percaturan yang diambil sukar untuk diramal dan dibaca.

Bagi mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan hala tuju politik Melayu-Islam yang dibawa oleh Tun Mahathir, maka perbincangan yang dilakukan selepas ini ialah berkenaan metodologi kajian, pemilihan konsep, dapatan kajian, analisis kajian dan rumusan konsep.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif asas. Kajian berbentuk ini dipilih kerana data-data yang dikumpulkan hanya tertumpu kepada data-data sekunder. Selain itu, kajian reka bentuk kualitatif asas dipilih kerana berkesesuaian untuk kajian disertasi serta penglibatan secara langsung antara pengkaji dan responden dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat berbanding reka bentuk yang lain. Menurut Robson (2011), reka bentuk kajian kualitatif bersifat lebih terbuka dan bukanlah bersifat kesimpulan akan tetapi berlandaskan kepada persoalan atau penyertaan. Untuk mengumpulkan data-data sekunder ini, dipilih kaedah kajian dokumen yang bertepatan dengan kajian ini kerana data-data yang terkumpul untuk kajian ini adalah bersifat tulisan seperti tesis, artikel jurnal, buku, kertas kerja, akhbar, dan

majalah. Seperti menurut Rashidi, Ara Begum, M. Mokhtar dan J.J. Pereira (2014), analisis kandungan adalah merupakan satu instrumen yang boleh digunakan dengan meluas dalam bidang penyelidikan yang merangkumi pelbagai bidang serta penggunaannya yang menyeluruh dalam kalangan para penyelidik. Bagi menganalisis data pula, kaedah yang digunakan dan bersesuaian dengan kajian ini ialah kaedah analisis kandungan. Kaedah ini mampu mentemakan, menganalisis secara sistematik dalam mengurus serta menonjolkan hasil dapatan yang diperolehi dengan lebih mudah. Kaedah ini melibatkan proses menguruskan data dan mensintesis data, memahami hasil dapatan kajian yang diperolehi serta menginterpretasikan hasil dapatan kajian (Bogdan & Biklen, 1982). Hal ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian	Kaedah Pengumpulan Data	Kaedah Penganalisan Data
<ul style="list-style-type: none"> • Reka bentuk kajian kualitatif asas bersesuaian dengan kaedah pengumpulan data yang menggunakan kaedah kajian dokumen. 	<ul style="list-style-type: none"> • Melibatkan penyelidikan perpustakaan dan data tersebut dikumpul daripada kajian-kajian yang berkaitan yang telah dilaksanakan oleh penyelidik lain. • Pengumpulan data dilakukan menerusi kaedah penyelidikan ilmiah ada dalam bentuk artikel, jurnal, tesis, buku, majalah dan sebagainya. 	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelidikan dibuat ke atas bahan-bahan berkaitan dari bidang politik, bangsa dan agama. Kajian ilmiah bahan-bahan rujukan berkaitan dicari berdasarkan tajuk kajian yang telah ditetapkan. Oleh itu, setiap data-data yang diperolehi menerusi penyelidikan akan diteliti terlebih dahulu agar maklumat memenuhi skop kajian yang telah ditetapkan.

Reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana berkesesuaian dengan kaedah pengumpulan data yang melibatkan kajian dokumen. Kajian ini dijalankan berdasarkan dengan temu ramah bersama Tun Mahathir. Setiap temu ramah yang dijalankan akan dirakam secara audio dan ditranskripsi dalam “word processing”. Seterusnya, transkripsi dibaca dan didengar secara berulang kali untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam sebelum menghasilkan data-data yang diinginkan.

Bagi penambahan data, kajian ilmiah akan dilaksanakan dengan bahan-bahan rujukan berdasarkan pemilihan tajuk yang akan mengfokuskan tentang hala tuju politik Melayu-Islam. Justeru itu, pengkaji telah menetapkan kajian ilmiah akan dijalankan berdasarkan bidang politik, bangsa dan agama.

Setelah kesemua data yang diperolehi, pengkaji akan menjalankan penganalisan keatas data-data terlebih dahulu agar kandungan yang didapati memenuhi kehendak kajian berdasarkan skop yang telah ditetapkan.

Pemilihan Teori

Teori politik mempunyai dua makna tersendiri iaitu pemikiran reflektif terhadap bentuk dan tatacara masyarakat yang ideal. Seterusnya, kegiatan dijalankan dalam masyarakat yang hidup secara berkelompok. Terdapat dua teori khusus dalam ideologi politik di dunia iaitu ideologi komunisme (Marxis-Lenint) dan ideologi kapitalisme (Smith).

Komunisme adalah salah satu ideologi yang popular di dunia. Ideologi ini berasal daripada hasil karya Karl Marx dan Friedrich Engels dalam *Manifest der Kommunistischen*. Manuskrip politik ini menerangkan tentang perjuangan kelas dan ekonomi kesejahteraan. Sejarah telah mencatatkan bahawa gerakan ini adalah gerakan yang paling berpengaruh dalam arena politik. Komunisme adalah sebuah ideologi yang memperjuangkan hak kesamarataan dalam ekonomi. Akan tetapi munculnya fahaman baru dalam komunisme yang berpaksikan kepada teori dan revolusioner (Indriaty Ismail & Mohd Zuhaili Kamal Basir, 2012).

Seterusnya, kapitalisme adalah sebuah ideologi yang diamalkan sehingga sekarang. Ideologi ini menganggap bahawa pemilik modal dapat melakukan keuntungan yang berlipat kali ganda. Secara amnya, ideologi ini tidak mempunyai definisi secara universal yang boleh ditakrifkan dan diterima secara meluas. Sebilangan pakar mengklasifikasikan sebagai pengembangan perbankan komersial Eropah dimana sekumpulan individu yang bertindak sebagai kumpulan yang memiliki perdagangan harta benda persendirian (Niko Ramadhani, 2020).

Menurut Muhammad Mujahid Ir. Mohammad Fadzil (2021), Sosialisme muncul pada zaman *Enlightment* (Pencerahan). Pemikiran ini dipopularkan oleh Robert Marcus Owen. Pada peringkat awal Sosialisme adalah alternatif kepada Liberalisme dan Kapitalisme yang dilihat tidak mampu untuk mewujudkan masyarakat yang baik. Justeru itu, untuk menjadikan Sosialisme sebagai ideologi politik akan tetapi Sosialisme dilihat bercanggah dengan beberapa aliran. Jika dilihat di Malaysia, Parti *Democratic Action Party* (DAP) yang pada asalnya mendukung Sosialisme Demokratik telah menukar ideologi perjuangan mereka kepada Demokrasi Sosial.

Teori ini digunakan dalam kajian ini kerana hala tuju politik sebagai ahli politik sangat dipengaruhi oleh ideologi besar ini. Secara fakta, Tun Mahathir seorang individu yang mengamalkan sistem kapitalis di negara ini (Arutchelvan, 2019). Hal ini dapat dibuktikan setelah Tun Mahathir memperkenalkan sistem tol, pendidikan swasta dan hospital swasta. Tambahan pula, Tun Mahathir tidak bersetuju dalam melaksanakan akta gaji minima sewaktu pemerintahan sebelum ini.

Ketika tahun 1987, Tun Mahathir bertindak menggunakan *Internal Security Act* (ISA) dalam menghancurkan parti-parti pembangkang serta organisasi progresif dengan tujuan membubarkan fahaman Komunis yang mula mempengaruhi parti pembangkang.

Tun Mahathir juga perlu menyesuaikan pemikirannya dengan aliran pemikiran sosialis ekoran daripada pembentukan Pakatan Harapan (PH). Ini dibuktikan bahawa kerajaan berdepan kesukaran dalam membuat sebarang keputusan ekoran daripada perlu mengambil pandangan pemimpin parti-parti komponen PH.

Jika dilihat dalam perpektif Islam, Tun Mahathir telah menggunakan dan mengamalkan pendekatan konsep Al-Istikhlaf. Faktor utama yang menjadikan perbezaan falsafah politik Islam dengan politik yang diamalkan di Barat adalah unsur yang diketengahkan Rabbaniyyah atau konsep ketuhanan yang terkandung dalam ajaran Islam. Al-Istikhlaf, dimana Allah melantik dan mengamanahkan agar manusia menjadi khalifah (pemimpin) di muka bumi. Titik tolak daripada itu, cabang pemerintahan seperti badan perundangan, eksekutif serta kehakiman berlandaskan syariat Islam dan seorang Muslim wajib mempercayai bahawa

Allah adalah pencipta polisi dan undang-undang di muka bumi ini. (Majlis Ulama Isma, 2014).

Di Sidang Kemuncak Kuala Lumpur 2019, Tun Mahathir telah melontarkan pandangan beliau dengan mengajak negara Islam mengorak langkah untuk membangunkan teknologi secara sendiri, ekoran daripada umat Islam berhadapan dengan pelbagai cabaran serta kesan daripada teknologi yang jauh lebih canggih yang dimiliki oleh negara maju. Tun Mahathir juga berpandangan bahawa 1.7 majoriti Islam di muka bumi ini harus berkejasama untuk melaksanakan jihad ekonomi melalui mewujudkan pasaran sendiri dalam memenuhi segala bentuk permintaan dan kehendak tanpa perlu bergantung kepada negara Barat (Berita Harian, 2019)

Dalam kajian Kepentingan Prinsip Siyadat Al-Shari'ah (Kedaulatan Islam) Di Dalam Siyasah Syar'iyah (Politik Islam) oleh Muhammad Firdaus Zalani dan Anwar Fakhri Omar (2019) menyatakan teori siyasah shar'iyah (politik Islam) adalah satu prinsip yang harus diamalkan dalam kalangan pemimpin Islam dalam menguruskan sesebuah negara agar syariat Islam terus terpancar. Ulama berpandangan bahawa Siyadat al-shari'ah adalah pekara yang kekal (thawabit) di dalam politik Islam.

Pendekatan ini membawa maksud kepada kepimpinan yang paling tinggi dalam persepektif ketuhanan iaitu hanya milik Allah SWT yakni pemilik segala isi langit serta bumi. Rasulullah S.A.W bersabda:

Telah datang seorang lelaki kepada Rasulullah s.a.w lalu berkata: Adakah engkau ketua kepada kaum Quraish? Lalu Baginda menjawab: Ketua (untuk kaum Quraish) adalah Allah SWT. (Riwayat Imam Ahmad, Sunan Imam Ahmad, No Hadis 15975)

Tun Mahathir dilihat sebagai seorang pemimpin sebenar dunia Islam. Perdana Menteri Pakistan Imran Khan mezhahirkan kekagumannya terhadap Tun Mahathir setelah pemimpin tersebut mempunyai pendirian yang teguh terutama melibatkan kebaikan Islam dan umat Islam, ini dapat dilihat Tun Mahathir kelantangan dalam krisis pencerobohan Isarel terhadap Palestin serta kemelut yang dihadapi umat Islam di India berkaitan undang-undang kerakyatan yang terlihat tidak adil (Berita Harian, 2020).

Dapatan Kajian

Hala tuju seseorang tokoh politik boleh dilihat daripada langkah-langkah politik yang diambilnya. Untuk memperoleh gambaran awal kajian, perbincangan ini mengambil pendekatan meneliti hala tuju politik Islam tokoh-tokoh di peringkat dunia dan di Malaysia. Di dunia Arab, terdapat beberapa tokoh berpengaruh di dunia. Mereka seperti Recep Tayyip Erdogan (Presiden Turki), Allahyarham Mohammed Morsi (Presiden Mesir) dan Imran Khan (Presiden Pakistan).

Hala tuju Erdogan untuk Islam mampu mengembalikan kejayaan bangsanya dari segi ekonomi dan pertahanan negara melalui prinsip yang dibawa "Islam adalah Solusi" (Al-Islam buwa Al-Hall). Beliau berjaya menjadikan negara transkontinental ini sebagai tempat yang bebas untuk bersosial mahupun berpolitik menerusi politik kenabian (Al-Siyasah Nubuwwah) yang berpaksikan kepada tiga tonggak utama dalam bentuk kemanusiaan, pembebasan dan transidensi (Ahmad Junaidi, 2016). Erdogan antara sosok pimpinan Islam yang amat dikenali di seluruh dunia melalui keberanian dan kebijaksanaannya dalam mencatur tindakan politik

dengan menghapuskan sekularisme yang telah diwarisi oleh Mustafa Kemal Attaturk (Ahmad Junaidi, 2016).

Hala tuju politik Morsi dapat dilihat apabila beliau menerapkan gagasan dalam pentadbirannya secara Islam adalah penyelesaian melewati pungutan suara pada Perlembagaan berkaitan agama Islam. Tujuan utama referendum ini diadakan agar politik Islam dapat diterapkan dalam kalangan pemimpin negara mahupun rakyat. Meskipun cuma setahun usia pemerintahan, beliau telah berjaya membawa agenda Islam dalam demokrasi baru Mesir (Rula Jebreal, 2012). Ketika Morsi menerajui tampuk pimpinan, beliau telah meminta agar pelaksanaan projek koridor Terusan Suez dipercepatkan. Ini kerana memberi kesan positif kepada sektor ekonomi Mesir serta membuka peluang pekerjaan untuk rakyat Mesir. Projek koridor ini juga membuatkan Mesir kembali mendapatkan semula kepercayaan negara serantau apabila kedudukannya yang strategi yang menjadi gerbang yang menghubungkan antara Asia dan Eropah (Offshore Energy, 2013).

Seterusnya, Imran Khan menzahirkan hasratnya untuk menjadikan Pakistan negara kebajikan Islam seperti yang dilaksanakan Nabi Muhammad S.A.W. Konsep yang diperkenalkan ini adalah termasuk membasmi gejala rasuah yang menular dalam kalangan pemimpin tertinggi negara serta mencari solusi dalam mengurangkan hutang negara yang dihadapi. Sementara itu, bagi menjayakan status negara kebajikan Islam Khan mengamalkan pentadbiran secara telus dan berusaha menambahkan keyakinan rakyatnya dengan melindungi wang hasil kutipan cukai melalui menyalurkan informasi berkenaan jumlah wang yang telah diperolehi (Awani, 2018). Beliau turut mengejutkan pentas politik dunia dengan menyeru semua negara-negara Islam bersatu bagi mengenakan tindakan undang-undang kepada mana-mana pihak yang menghina Nabi Muhammad S.A.W. Beliau menyifatkan isu penghinaan Nabi Muhammad S.A.W ini sama seperti Holocaust yang disifatkan begitu sensitif untuk komuniti Yahudi (Adlinahani Khalil, 2021).

Di negara Asia, antara pemimpin Islam yang berpengaruh adalah Ir. Hj. Joko Widodo (Presiden Republik Indonesia) dan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin (Yang Di-Pertuan Negara Brunei).

Jokowi disenaraikan sebagai pemimpin di kedudukan ke-12 berpengaruh di dunia dalam "The Muslim 500, The World's 500 Most Influential Muslim, 2021 Edition". Ini jelas, membuktikan betapa majunya politik dan peradaban Islam di Indonesia dibawah kepimpinan Presiden Jokowi menerusi Indonesia menjadi salah sebuah negara bagi rujukan peradaban Islam di dunia. Presiden Jokowi mengambil pendekatan mewujudkan sebuah Universiti Islam International Indonesia (UIII) di Jawa Barat ekoran kerana Indonesia merupakan sebuah negara yang majoritinya umat Islam yang terbesar di dunia. Selain itu, Jokowi telah menubuhkan Bank Wakaf Mikro dan hasil dari usaha ini kerajaan Indonesia memperuntukkan Rp8 bilion (RM2 juta) dalam membantu dan memudahkan kepada masyarakat luar bandar dan sekolah berasrama Islam. Seterusnya, dalam mensyiarkan Islam di bumi Indonesia, Jokowi bertindak mengisytiharkan Hari Santri Nasional pada 22 Oktober setiap tahun. Tarikh ini dipilih sebagai simbolik kepada inti kesucian, iaitu kerohanian dan semangat patriotisma rentetan daripada usul Jihad Resolution pada 22 Oktober 1945 oleh Kiai Haji Hasyim Asyari (Rahmat Sahid, 2019).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Sultan Hassanal Bolkiah) yang juga merangkap Perdana Menteri Brunei Darussalam berhasrat

menjadikan Brunei sebuah negara zikir (PNZ). Pendekatan ini diambil bagi membangunkan sebuah negara Islam yang mencapai kecemerlangannya dari pelbagai sudut sekaligus menjadikan sebuah negara maju dan makmur berdasarkan undang-undang Islam. Beliau berpandangan bahawa pembangunan negara zikir ini merupakan sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran Islam (Mohd Shukri Hanapi, t.t). Selain itu, kerajaan yang dipimpin oleh baginda, Sultan telah mewartakan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 (Kanun Jenayah Syariah 2013). Hukuman ini akan dilaksanakan kepada individu yang terlibat dalam kesalahan liwat, zina, rogol dan memotong tangan atau kaki bagi kesalahan mencuri. Seterusnya, tulisan jawi diberi keutamaan dan pembudayaan berkaitan Islam diterapkan kepada golongan non-muslim di negara tersebut (Wan Zailan Kamaruddin & Ahmad Zuhi, t.t).

Malaysia juga tersenarai dalam memiliki tokoh pemimpin Islam berpengaruh dunia antaranya Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Mantan Menteri Besar Kelantan) dan Tun Dr. Mahathir Mohamad (Mantan Perdana Menteri)

Tuan Guru memperkenalkan tiga prinsip pengurusan sewaktu beliau menjawat jawatan sebagai Menteri Besar Kelantan iaitu Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan bagi menjadi garis panduan kepada kakitangan kerajaan dalam menjalankan tugas. Ini jelas membuktikan bahawa hala tuju yang dibawa oleh Tuan Guru adalah Islam sebagai tonggak utama dalam sistem pentadbiran yang membawa rahmat untuk semua (Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien & Wan Rohani, 2020).

Kajian ini adalah berkaitan hala tuju dan percaturan politik pemimpin Islam dunia khususnya Tun Mahathir. Beliau merupakan pemimpin yang berjaya memimpin negara selama 22 tahun dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang ditakuti apabila diberi jolokan nama "Asean Tiger".

Percaturan politik dan pemikiran Tun Mahathir masih tidak dapat diduga dan dibaca sehingga kini. Oleh kerana hala tuju politik yang tidak jelas membuatkan Tun Mahathir yang terkenal dengan falsafah pemikiran "Mahathirisme" yang diilhamkannya membuatkan beliau pernah dilabel 'maha firaun', 'kukubesi' mahupun 'diktaktor' ketika era pemerintahan pada tahun 1981-2003 (Muniroh Abdul Rohman, 2018).

Tun Mahathir mencetuskan pelbagai konflik antaranya peristiwa berdarah Kampung Memali pada 19 November 1985. Ia mencetuskan kemarahan orang Melayu-Islam setelah anggota keselamatan dikerahkan untuk melakukan siri penangkapan ke atas tokoh ulama yang memimpin Gerakan Islam iaitu Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Kampung Memali.

Tun Mahathir membuat keputusan untuk menentang segala bentuk keputusan yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman yang disifatkan mengetepikan hak-hak orang Melayu dan lebih mengutamakan serta terlalu bergantung kepada kaum Cina yang dianggap sebagai pendatang (imigran) di Tanah Melayu (Ku Hasnan, Ainudin Lee & Suhaimi Sulaiman, 2012)

Tun Mahathir amat menitikberatkan perihal dasar luar negara. Di bawah pentadbiran Tun Mahathir telah memperkenalkan Dasar *Buy British Last* yang telah membuatkan ketegangan antara kedua buah negara ini. Tun Mahathir mengeluarkan arahan kepada agensi-agensi kerajaan agar tidak membeli barangan daripada syarikat-syarikat British (Chamil Wariya, 1989).

Menurut Mazli Mazlan (2014), Tun Mahathir juga lantang dalam mengkritik pentadbiran Mantan Perdana Menteri Malaysia Kelima, Tun Abdullah Ahmad Badawi kerana menganggap tindakan yang dibuat oleh Tun Abdullah kelihatan seperti menjejaskan kepentingan negara khususnya yang melibatkan orang Melayu. Tun Mahathir seorang yang konsisten dalam memikirkan berkaitan politik orang Melayu bahkan pemikirannya juga berbeza dan bertentangan dengan pemikir dan penganalisis politik.

Tun Mahathir amat menitik berat soal pepecahan yang berlaku dalam politik orang Melayu yang membawa kerugian kepada bangsa sendiri. Ini dapat dilihat kuasa politik orang Melayu semakin lemah, orang Melayu terpaksa berhadapan dengan situasi ekonomi yang tidak menentu, ancaman kepada undang-undang serta dasar pembangunan negara, pemimpin Melayu kian lemah, pertikaian hak keistimewaan orang Melayu mula dicabar dengan kewujudan konsep kesamarataan serta isu-isu asasi dan ancaman demokrasi liberal yang mula diterapkan dalam pemikiran orang Melayu (Mazli Mazlan, 2014).

Faridah Jaafar (2012) menyatakan hubungan ekonomi dalam melaksanakan dasar luar Malaysia amatlah penting. Justeru itu Tun Mahathir telah memperkenalkan beberapa dasar antaranya Dasar Pandang Ke Timur, Dasar anti British, Kerjasama Ekonomi ASEAN, NAM dan Selatan-selatan. Ini membuktikan bahawa Tun Mahathir amat menitik berat berkaitan hubungan ekonomi antarabangsa melebihi daripada keselamatan dan pertahanan negara.

Tun Mahathir telah menggunakan pentas Komanwel dalam meluahkan ketidakpuasan hati berkaitan berat sebelah dalam jalinan hubungan negara maju dan negara membangun serta menindas negara dunia kelas ketiga melalui pelaksanaan halangan dan menyekat pasaran daripada dimasuki oleh negara luar. Tun Mahathir telah berjaya mengubah corak hubungan antara Malaysia dan pertubuhan tersebut dengan lebih ghairah serta mula mendapat tempat dalam kalangan negara anggota (Afendi Daud, Junadi Awang Besar & Novel Lyndon, 2016).

Berdasarkan Muhammad Afifi Abdul Razak, Mohamed Mustafa Ishak dan Rusdi Omar (2006), pemikiran Tun Mahathir ke atas aktiviti Terrorisme dalam negara adalah hasil daripada pemikiran yang sempit kumpulan Islam dan parti politik yang ingin menerajui tampuk pemerintahan negara. Menurut Tun Mahathir, perkara sebegini boleh menimbulkan salah tafsiran mengenai Islam oleh sebahagian masyarakat dan boleh mencetuskan elemen-elemen Terrorisme di Malaysia.

Analisis Data

Hasil daripada itu, dapat dilihat berdasarkan hala tuju politik yang disandarkan oleh pemimpin amatlah penting dan akibatnya memberi impak positif mahupun negatif kepada sebuah negara, masyarakat, bangsa dan agama. Hal ini terbukti bahawa hala tuju politik seseorang amatlah penting dalam memimpin terutamanya bagi mencapai kemajuan sesebuah negara. Pemimpin membawa ideologi hala tuju yang berbeza dan yang dilihat mampu membawa kepada struktur pemerintahan sekiranya berlaku peralihan kuasa misalnya. Pemimpin politik yang baik akan mengambil pendekatan yang membolehkan keuntungan kepada rakyat dan negara.

Menurut kajian Muniroh Abdul Rahman dan Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad (2016), terdapat banyak dasar dan pembangunan negara yang dijalankan Tun Mahathir dalam memperlihatkan beliau merupakan seorang tokoh pemimpin negara yang berwibawa, cekap dan cecal dalam mencorakkan kepimpinannya. Salah satu dasar yang dilancarkan adalah

Sistem Kad Perakam waktu dalam membentuk jati diri dan disiplin kakitangan kerajaan yang maju diperkenalkan pada tahun 1982 di Malaysia. Kakitangan awam harus memiliki sifat disiplin bagi mengurangkan kadar kelewatan ke tempat kerja. Sifat disiplin yang diterapkan melalui pelaksanaan Sistem Kad Perakam Waktu dapat membantu cara bekerja yang lebih teratur serta mempunyai etika pekerjaan yang lebih profesional.

Dalam kajian Aszlan Samad dan Shakila Yacob (2018), mereka menjelaskan mengenai ucapan persidangan yang menunjukkan bahawa Tun Mahathir tidak berpuas hati berkaitan ketidakadilan, penindasan dan keganasan terutamanya pencerobohan yang dilakukan ke atas Palestin. Tun Mahathir meluahkan agar sebarang bentuk tindakan keganasan segera dihentikan. Beliau telah menganjurkan persidangan keamanan peringkat antarabangsa *The Kuala Lumpur Initiative to Criminalise War* pada Disember 2005. Seterusnya Tun Mahathir terus menganjurkan satu persidangan yang bertemakan *Expose War Criminalise War*.

Ramli Dollah dan Wan Shawaluddin Wan Hassan (2016) menjelaskan Tun Mahathir telah memperkenalkan dasar yang penting iaitu *Look East Policy* dan *South-South Cooperation*. Tun Mahathir juga berpandangan kemakmuran bersama dalam mengekalkan hubungan luar yang baik. Beliau banyak memberikan tekanan kepada negara-negara Barat berkaitan dasar *Double Standard* yang diamalkan yang tidak adil dalam sektor ekonomi. Rentetan itu, beliau telah melaksanakan Dasar Pandang ke Timur (DPT) pada Februari 1982. Jolokan *The Bad Boy of Southeast Asia*. Disamping itu, Tun Mahathir juga menentang tindak tanduk pentadbiran Washington dalam isu keganasan yang dikaitkan dengan dasar luar Amerika mengenai Islam dan penganas.

Dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah berjaya dalam menjaga hak keistimewaan orang Melayu terus dipelihara. Dasar-dasar yang telah diperkenalkan oleh Tun Mahathir yang telah membangunkan Malaysia. Menurut Muniroh Abdul Rohman (2018), pelbagai program yang dirangka sepanjang era kepimpinan Tun Mahathir dari tahun 1981 sehingga 2003. Pelaksanaannya merangkumi aspek ekonomi, politik dan kebudayaan. Selain itu, era pemerintahannya dapat dilihat melalui dasar-dasar yang dilaksana, antaranya Dasar Penserikatan Malaysia, Dasar Perindustrian Negara, Dasar Pandang Ke Timur dan lain-lain. Wawasan 2020 menjadi aspirasi buat beliau dalam menjadikan Malaysia setanding dengan negara-negara yang jauh lebih maju ketika itu.

Menurut Chamil Wariya (1989), Tun Mahathir amat menitikberatkan perihal dasar luar negara. Dibawah pentadbiran Tun Mahathir telah memperkenalkan Dasar *Buy British Last* pada 2 Oktober 1981 yang telah membuatkan ketegangan antara kedua buah negara ini. dasar ini diperkenalkan atas sebab Tun Mahathir seorang anti British dan dibuktikan dengan penulisannya dalam buku yang penuh dengan kontroversi *The Malay Dilemma* yang secara terang-terangan menyalahkan British sebagai punca utama ekonomi orang Melayu mundur.

Berdasarkan kajian pemikiran Tun Mahathir mengenai politik orang Melayu Malaysia pasca persaraan (2003-2012) yang dilakukan oleh Mazli Mazlan (2014), mempamerkan bahawa Tun Mahathir amat menitik berat soal pepecahan yang berlaku dalam politik orang Melayu yang membawa kerugian kepada bangsa sendiri. Ini dapat dilihat kuasa politik orang Melayu semakin lemah, orang Melayu terpaksa berhadapan dengan situasi ekonomi yang tidak menentu, ancaman kepada undang-undang, dasar pembangunan negara, pemimpin Melayu kian lemah dan pertikaian hak keistimewaan orang Melayu mula dicabar. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan orang Melayu, Tun Mahathir berpendapat kepimpinan UMNO

perlu diperkuatkan dan meneguhkan kembali parti komponen Barisan Nasional dalam mengukuhkan hubungan kerjasama politik antara kaum dan menjalinkan kerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan.


Dalam kajian Faridah Jaafar (2012) dijelaskan bahawa Tun Mahathir juga bersikap pro-aktif dalam melontarkan aspirasi ekonomi Malaysia di peringkat antarabangsa dan perjuangan tersebut membuahkan hasil dengan pengstrukturkan semula ekonomi dunia. Tun Mahathir juga tidak menetapkan sebarang bentuk ideologi sebagai batas dalam memutuskan dan menjalinkan hubungan ekonomi dengan negara tertentu kerana beliau berpendapat perkara itu akan merugikan Malaysia.

Jurnal Terrorisme Global Menurut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad oleh Muhammad Afifi Abdul Razak, Mohamed Mustafa Ishak dan Rusdi Omar (2006) memperlihatkan bahawa aktiviti yang berlandaskan terrorisme dalam Malaysia adalah hasil daripada pemahaman dan pemikiran yang sempit berkaitan agama Islam disusuli dengan keinginan untuk menerajui tampuk pemerintahan negara oleh parti politik. Tun Mahathir turut menjelaskan perkara sebegini boleh mewujudkan salah faham mengenai Islam oleh segelintir masyarakat seterusnya mampu mencetuskan elemen terrorisme di Malaysia.

Kesimpulan

Pertembungan antara hala tuju politik dan perwatakan menyebabkan persepsi mula menjadi buah mulut. Setiap tokoh politik akan menggunakan pelbagai cara dalam memastikan mereka kekal relevan di mata rakyat. Sekiranya pepecahan orang Melayu terus berlaku, ia amat merugikan dan hanya memberi keuntungan kepada pihak lawan. Meskipun calonnya bukan dalam kalangan orang Melayu, namun masih mendapat tempat dalam hati orang Melayu yang menyokong berdasarkan hala tuju politik yang lebih jelas.

Rajah 1: Dimensi Hala tuju Politik Melayu-Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad



Berdasarkan Rajah 1 menunjukkan bahawa terdapat tiga dimensi hala tuju politik Melayu-Islam Tun Mahathir. Pertama, hala tuju politik pemimpin Tun Mahathir dibentuk berasaskan kesepaduan kuat ke atas negara-negara majoriti Islam di peringkat dunia, Asia dan Malaysia. Kedua, hala tuju politik Melayu-Islam mempengaruhi kuat negara serantau terhadap Brunei, Singapura, Thailand dan Indonesia. Ketiga, asas-asas hala tuju politik Melayu-Islam Tun Mahathir iaitu tertubuhnya parti Melayu-Islam, perjuangan hak Melayu-Islam, perjuangan agama, bangsa dan tanah air, dan menjunjung perlembagaan.

Penghargaan

Jutaan terima kasih diberikan kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) kerana memberikan sokongan, dorongan dan kepercayaan kepada para pengkaji untuk memikul tanggungjawab melaksanakan Geran Bridging bertemakan *Survival Pengikut Gerakan Islam Di Malaysia Pasca-Konflik: Satu Kajian Ekonomi Politik* dengan no rujukan USM 304/CISDEV/6316210. Artikel yang dikemukakan ini adalah termasuk daripada salah satu kajian untuk memperdalamkan lagi penyelidikan dalam geran tersebut.

Rujukan

- Abdul Mutalib, M. F. M., Omar, H., & Ahmad, M. H. A.-S. (2020). Pemikiran Radikal Politik Kepartian Melayu Islam di Malaysia: Analisa Peristiwa Takfir. *Jurnal Pengajian Islam*, 13(1), 78-85. Dimuat turun daripada <http://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/35> pada Mei 29, 2021.
- Abu Talib Ahmad. (t.t). *Aliran Kiri Nasionalisme Melayu 1945-57*.
- Achmad Irwan Hamzani & Havis Aravik. (2021) *Politik Islam: Sejarah Dan Pemikiran*. Jawa Tengah: PT. Nasya Expanding Management.
- Adlinahani Khalil. (2021, April). Hukum pihak hina Nabi Muhammad. Dimuat turun daripada <https://www.utusan.com.my/luar-negara/2021/04/hukum-pihak-hina-nabi-muhammad/> pada April 29, 2021.
- Afra Javaid. (2020, April) *Imran Khan Biography: Early Life, Education. Net worth, Assets, Controversies, Cricket and Political Career*. Dimuat turun daripada
- Ahamad Zuhdi, Wan Zailan Kamaruddin (2009) *Masyarakat Muslim Di Negara Brunei Darussalam: Kajian Mengenai Isu Dan Cabaran Dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi*. *Borneo Research Journal*, 3, 187-208.
- Ahmad Naufal. (2020, Disember). 50 Tokoh Muslim Paling Berpengaruh Dunia 2021. Dimuat turun daripada <https://www.kompas.com/tren/read/2020/12/19/193100265/daftar-50-tokoh-muslim-paling-berpengaruh-dunia-2021?page=all> pada April 25, 2021.
- Ahmad Junaidi. (2016, November). Kebijakan Politik Recep Tayyib Erdogan dan Islamisme Turki Kontemporer [Abstrak]. *Jurnal Agama dan Hak Azazi Manusia*, 6(1).
- Andi Herawati. (2018, Julai). Eksistensi Islam Di Asia Tenggara [Abstrak]. *Jurnal Pendidikan Dan Studi Islam*, 4(2), 119.
- Aszlan Selamat, Shakila Yacob. (2018). Ucapan Kontroversi Anti-Semitik 2003: Pendirian Sebenar Tun Dr. Mahathir. *Jurnal Peradaban*, 11, 62-85.
- Awani. (2018, Mei). GST Mansuh, Ini Kata Peniaga. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gst-mansuh-ini-kata-peniaga-176046> pada Jun 4, 2021.
- Awani. (2018, Ogos). Imran Khan janji tadbir Pakistan sebagai 'Negara Kebajikan Islam'. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/imran-khan-janji-tadbir-pakistan-sebagai-negara-kebjikan-islam-183552> pada Jun 1, 2021.
- Awani. (2020, November). Perancis fikir hina orang, agama lain hak asasi manusia-Dr Mahathir. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita>

- Berita Harian. (2019). *Populasi 1.7 Bilion Umat Islam Harus Dimanfaat - Dr Mahathir*. Dimuat turun pada Julai 30, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/640129/populasi-17-bilion-umat-islam-harus-dimanfaat-dr-mahathir>.
- Berita Harian. (2020). *Dr Mahathir Pemimpin Sebenar Dunia Islam - Imran Khan*. Dimuat turun pada Julai 30, 2021 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652650/dr-mahathir-pemimpin-sebenar-dunia-islam-imran-khan>.
- Bernamea. (2019, Mei). Ketokohan Tun M diiktiraf dunia. Dimuat turun daripada <https://www.astroawani.com/berita-dunia/perancis-fikir-hina-orang-agama-lain-hak-asasi-manusia-dr-mahathir-270909> pada April 29, 2021.
- Britannica, T. Editors of Encyclopaedia (2020, Ogos). Mohamed Morsi. Encyclopaedia Britannica. Dimuat turun daripada <https://www.britannica.com/biography/Mohamed-Morsi> pada April 29, 2021.
- Chamil Wariya. (1989). *Dasar Luar Era Mahathir*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- CNN Indonesia. (2020, Mei). Imran Khan, 'Kapten' Pejuang Pakistan Melawan Islamofobia. Dimuat turun daripada <https://www.cnnindonesia.com/olahraga/20200519140334-178504901/imran-khan-kapten-pakistan-pejuang-melawan-islamofobia> pada Jun 1, 2021.
- Dimuat turun daripada <https://www.akseleran.co.id/blog/kapitalisme-adalah/> dunia/perancis-fikir-hina-orang-agama-lain-hak-asasi-manusia-dr-mahathir-270909 pada April 29, 2021.
- Faridah Jaafar. (2012). Hubungan Ekonomi Antarabangsa Periode Tunku Abdul Rahman Dan Dr Mahathir Mohamad: Suatu Kajian Komparatif. *Jurnal Sarjana*. 28(2), 29-48.
- Firdaus Zalani & Fakhri Omar. (2019). Kepentingan Prinsip Siyadat Al-shari'ah (Kedaulatan Islam) Di Dalam Siyasah Syar'iyah (Politik Islam). *Jurnal Penyelidikan Lanjutan dalam Sains Sosial dan Tingkah Laku*, 15(1), 69-84.
- Hairol Anuar & Zakaria Stapa. (2012). Pemilihan Kepimpinan Politik Melalui Pendekatan Nilai-Nilai Islami. *Jurnal Pengajian Islam*, 58-70.
- Hairol Anuar, Zakaria Mustapa, Ahmad Munawar & Shamsul Azhar. (2013). Pendekatan Nilai Dalam Memilih Kepimpinan Politik: Kajian Tinjauan Dalam Kalangan Kelas Menengah Melayu Pasca Dasar Ekonomi Baru. *Jurnal Hadhari*. 6(2), 71-84.
- Harliana Halim, Kamaruzaman Yusoff, Aminuddin Basir, Shakila Ahmad & Shamsaadal Shole Saad. (n.d.). *Pengaruh Islam Dan Anjakan Paradigma Pemikiran Melayu: Satu Tinjauan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- https://www.academia.edu/5804913/Bab_4_Kaedah_Kajian pada Jun 10, 2021.
- <https://www.jagranjosh.com/general-knowledge/imran-khan-1587658645-1> pada April 29, 2021.
- Indriaty Ismail & Mohd Zuhaili Kamal Basir. (2012, Jun). Karl Marx dan Konsep Iskandar Hasan. (2013). *Politik Pentadbiran Di Malaysia: Satu Kajian Kes Mengenai Kepimpinan Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009)*.
- Jebreal R. (2012, Disember). Mohamed Morsi's Radical Agenda for Egypt. Dimuat turun daripada <https://www.thedailybeast.com/mohamed-morsis-radical-agenda-for-egypt?ref=scroll> pada Jun 3, 2021. Jun 4, 2021.
- Junaidi Awang. (2021). Evolusi Dan Dinamika Geopolitik Dan Sosiopolitik Gerakan Politik Di Malaysia, *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 18(2), 12-28.
- Ku Halim, K. H., Iskandar Lee, A. L., & Sulaiman, S. (2012). Umno Dan Krisis; Penelitian Kepada Krisis Dalaman-Kes Terpilih. *Journal of Techno-Social*, 4(2). Dimuat turun daripada <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/JTS/article/view/1435> pada Ogos 8, 2021

- Majlis Ulama Isma. (2014). *Falsafah Politik Islam: Al-Istikhlaf*. Dimuat turun pada Julai 30, 2021 daripada <https://muis.org.my/2014/09/falsafah-politik-islam-al-istikhlaf/>.
- Malaysia Kini. (2019, April). Kerajaan PH Komied Perangi Kleptokrasi Rasuah. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/470348> pada
- Mazli Mazlan. (2014). Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mengenai Politik Orang Melayu Malaysia Pasca Pemikiran 2003-2012. *Jurnal Sastera*.
- Mohd Afendi, Junaidi Awang, Novel Lyndon. (2016). Peranan Mahathir Dalam Mendorakkan Hala Tuju Malaysia Terhadap Komanwel. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*.
- Mohd Husni Mohd Noor. (2019, September). Tak Ubah Prinsip Islam. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/09/500336/tak-ubah-prinsip-islam> pada Jun 4, 2021.
- Mohd Khalli, M. N., Sintang, S., & Marinsah, S. A. . (2020). Rahmatan Lil 'Alamin: Kerangka Konsep Keharmonian Di Malaysia: Rahmatan Lil 'Alamin: Conceptual Framewok Of Harmony In Malaysia. *Sains Insani*, 5(2), 32-42. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.129>
- Mokmin Basri. (t.t). Bab 4 Kaedah Kajian. Dimuat turun daripada
- Muhammad Afifi, Mohamed Mustafa & Rusdi Omar. (2006). Terrorisme Global Menurut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal International Studies*.
- Muniroh Binti Abdul Rohman. (2016). Sistem Kad Perakam Waktu (KPW) Era Kepimpinan Tun Dr. Mahathir Mohamad Di Malaysia. *Jurnal Dakwah Islamik*. 8(2), 166-183.
- Muniroh Binti Abdul Rohman. (2018). Kepimpinan Islam Tun Dr. Mahathir Mohamad Di Malaysia (1981-2003). Ph.D Dissertation. Universiti UtaraMalaysia.
- Nik Fazrul. (2018). Politik Islam Dalam Naskhah (1981-2003). Ph.D Dissertation. Histotriografi Melayu. Universiti Putra Malaysia.
- Niko Ramadhani. (2020, Disember). Apa itu Kapitalisme? Apa Saja Contohnya?.
- Nurul Huda Husain. (2020, Februari). TH Pindah Milik Empat Hotel Kerana Tiada Keuntungan: Tun M. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/70608/BERITA/Nasional/TH-pindah-milik-empat-hotel-kerana-tiada-keuntungan-Tun-M> pada Jun 4, 2021.
- Offshore Energy. (2013, Mei). Morsi Calls for Rapid Implementation Steps for Suez Canal Corridor Project. Dimuat turun daripada <https://www.offshore-energy.biz/morsi-calls-for-rapid-implementation-steps-for-suez-canal-corridor-project/> pada Jun 4, 2021. pada Jun 18, 2021
- Perjuangan Kelas Sosial. *International Journal of Islamic Thought*. Persatuan Ulama' Malaysia. (2020). *Pemeriksaan Institusi Islam Di Malaysia: Melakar Kecemerlangan Masa Hadapan*. (1st ed.). Selangor, Malaysia: Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien & Wan Rohani
- Rahmat Sahid. (2019, Jun). Kemajuan Politik dan Peradaban Islam Di Bawah Pemerintahan Jokowi. Dimuat turun daripada <https://kumparan.com/rahmat-sahid/kemajuan-politik-dan-peradaban-islam-di-bawah-pemerintahan-jokowi-1rL8rSq1A7f> pada Mei 20, 2021.
- Rusdi Omar. (2006). Falsafah Pemikiran Politik Tun Dr. Mahathir [Abstrak].
- S. Arutchelvan. (2019, April). Mengapa Dr. M Takut Sangat Dengan Sosialis?. dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/474373> pada Tarikh.
- Shah Nordin. (2012). Pemikiran Politik Islam Di Aceh Pada Abad Ke 17 M: Kajian Perbandingan Antara Kitab Taj Al-Salatin, Sulalah Al-Salatin Dan Bustan Al-Salatin. Dimuat turun daripada <https://core.ac.uk/download/pdf/19100518.pdf> pada Julai 1, 2021.
- Shukri Hanapi. (2015). *Tasawur Pembangunan Negara Zikir*. Universiti Sains Malaysia, 2-4 Mac.

- Sinar Harian. (2021, Januari). Ikhwanul Muslimin di Mesir belum lagi berkubur. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/120472/GLOBAL/Ikhwanul-Muslimin-di-Mesir-belum-lagi-berkubur> pada April 29, 2021.
- Siti A'isyah Sukaimi. (2019, Mac). Jakim tubuh unit Pantau Hina Islam, Nabi SAW. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/utama/2019/03/430867/jakim-tubuh-unit-pantau-hina-islam-nabi-saw> pada Jun 4, 2021.
- Siti Hafidah. (2020). Pakistan Isytihar Kashmir Milik Islamabad. Dimuat turun daripada <https://ismaweb.net/2020/08/06/pakistan-isytihar-kashmir-milik-islam-abad> pada Jun 1, 2021.
- Wafdi Auni. (2013). Kerajaan Perpaduan Berteraskan Islam Dengan Rujukan Khusus Parti Politik Melayu-Islam Di Malaysia. Dimuat turun daripada http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/22910/024_051.PDF pada Julai 1, 2021.
- Yazid Maarof & Kamil Majid. (2019). Politik Perspektif Islam (Siyasah Syar'iyah). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Zawiyah Zain. (2021). Budaya Politik Masyarakat Melayu: Satu Analisis, *Malaysian Journal of Society and Space* 17(1), 297-311
- Zulfa Jamalie. (2011). Analisis Pemikiran Mahathir Mohamad Mengenai Islam Dan Pelaksanaan Dasarnya Dalam Negara Malaysia. Universiti Utara Malaysia.